



**AKUAN BEBAS RASUAH DAN PEMATUHAN KOD ETIKA  
EJEN CUKAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 153(3), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan (KP) ..... adalah dengan sesungguhnya dan suci hati mengakui bahawa sepanjang saya memegang kelulusan sebagai ejen cukai di bawah subseksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967:

1. Saya akan **mematuhi** sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna jawatan/ kedudukan, serta Kod Etika Ejen Cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
2. Saya akan **membenci dan menolak** sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna jawatan/ kedudukan, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna jawatan/ kedudukan;
3. Saya **tidak akan melibatkan diri** dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna jawatan/ kedudukan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam apa-apa jua urusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, pelanggan atau dengan mana-mana pihak;
4. Saya akan **memastikan kakitangan** di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna jawatan/ kedudukan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam apa-apa jua urusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, pelanggan atau dengan mana-mana pihak; dan
5. Saya akan dengan segera **melaporkan** kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran atas sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah atau salah guna jawatan/ kedudukan yang melibatkan saya atau kakitangan di bawah seliaan saya.

Sekiranya saya atau kakitangan di bawah seliaan saya didapati bersalah atas perlakuan jenayah rasuah atau salah guna jawatan/ kedudukan, atau kegagalan saya mematuhi Kod Etika Ejen Cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, maka saya **bersetuju** tindakan penarikan balik atau penamatian kelulusan sebagai ejen cukai di bawah subseksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 dan lain-lain tindakan mengikut peruntukan akta yang berkuat kuasa diambil oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Ditandatangani oleh:

.....  
Nama : .....  
No. KP : .....  
Tarikh : .....